



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	18 May 2015

Nafi abaikan Bumiputera bagi dapatkan sokongan Cina, India *Blm-18/5/2015*

KUALA LUMPUR 17 Mei - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini menafikan beliau menge. tepikan tindakan afirmatif untuk Bumiputera dalam usaha mendapatkan kembali sokongan orang Cina dan India.

"Oleh itu, secara ringkasnya, untuk mengatakan saya mengetepikan tindakan afirmatif, adalah karut," kata beliau dalam catatan terbaharunya dalam blog *NajibRazak.com*.

Dalam catatannya itu, Najib menyenaraikan 13 tuduhan dan dakwaan yang dilemparkan terhadapnya dan kerajaan, selain memberi maklum balas beliau berhubung perkara itu.

"Sebagai Perdana Menteri, saya juga memberi banyak sokongan kepada orang Cina dan India dan semua komuniti lain yang menjadikan negara kita ini hebat.

Namun demikian, ia bukan dilakukan dengan mengabaikan bumiputera," tegas beliau.

Najib berkata, fokus utama beliau ialah untuk meningkatkan carta pai ekonomi agar lebih banyak dapat diberikan kepada semua kaum.

"Selagi saya dapat memastikan wujudnya pertumbuhan ekonomi, maka akan ada mobiliti sosial, dan semua kaum akan dapat mendaki tangga ekonomi yang lebih tinggi,"

kata beUau.

Mengenai dakwaan bahawa Malaysia sama dengan Malaysia, Najib menjelaskan bahawa Malaysia merupakan suatu usaha untuk mewujudkan perpiduan, dan perbezaan paling utami dengan konsep 'Malaysian Malaysia' ialah Malaysia jelas menerima Perlembagaan Malaysia secara keseluruhannya terutama semia peruntukan yang terkandung dalam Perkara 153-

"Malaysian Malaysia' pada mulanya adalah suatu konsep yang bercanggah dengan Perkara 13 dan kemudiannya bersifat amattaksa. Kalaulah Malaysia benar-benar sama dengan Malaysian Malaysia, tentu sekali tidak akan ada Majlis Permeriksaan Bumiputera, Teraju dan lain-lain lagi.

"Kalaulah Malaysia benar-benar sama dengan Malaysian Malaysia, tentulah tidak akan ada Mode Baharu Ekonomi (MBE), satu rartgla kerja untuk meningkatkan sifat eksklusif dalam ekonomi dan pada masa sama, memperkasakan masyarakat Bumiputera agar mereka menjadi lebih berdaya saing," kata belku.

Oleh itu, katanya, untuk mengatakan bahawa Malaysia adalah sama dengan Malaysian Malaysia

merupakan suatu perbuatan memutarbelitkan realiti, dengan niat yang tidak lain dan tidak bukan iaitu untuk menipu orang Melayu.

Mengenai 'jambatan bengkok' yang kononnya kerajaan tidak berani membina jambatan itu di atas tanah Malaysia tanpa mendapat kelulusan daripada Singapura,

Najib berkata, jambatan itu tidak dibina kerana Malaysia komited untuk mematuhi semua perjanjian yang telah ditandatangani.

"Mana-mana jambatan sedemikian, jika dibina bagi menggantikan Tambak Johor tanpa kebenaran nyata daripada PUB (Lembaga Kemudahan Awam) Singapura, akan melanggar hak hartanah di bawah undang-undang antarabangsa," kata beliau.

Perdana menteri berkata, Jabatan Peguam Negara telah menasihatkan kerajaan mengenai kesahihan sebarang pengubahsuaian kepada Tambak Johor di bawah undang-undang antarabangsa.

"Jabatan telah menasihatkan bahawa paip-paip dalam Tambak Johor adalah tertakluk kepada perjanjian air Johor-Singapura (1961,1962), yang menggariskan bahawa paip-paip milik PUB Singapura, dan sebarang pengubahsuaian paip itu mesti diluluskan oleh PUB," katanya.